



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



PELAN STRATEGIK

POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN

2021 - 2025



Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin Pauh Putra, 02600 Arau

Tel : 604 988 6200 FAKS : 604 988 6300

www.ptss.edu.my



**PELAN STRATEGIK
POLITEKNIK TUANKU
SYED SIRAJUDDIN
2021-2025**

persiapan hari ni, menentukan pencapaian hari esok ...

© Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
2021 Hak cipta terpelihara

Perpustakaan Negara Malaysia
Data-Pengkatalogan-dalam-penerbitan
ISBN 978-967-2258-45-2

Terbitan Pertama 2021
Buku Pelan Strategik PTSS 2021-2025

DITERBITKAN OLEH:
POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN
PAUH PUTRA
02600, ARAU, PERLIS.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin.

rekabentuk infrografik: azira
rekabentuk kulit: fazwan

ISBN 978-967-2258-45-2



9 7 8 9 6 7 2 2 5 8 4 5 2



MUKASURAT	PERKARA	BILANGAN	PERKARA	MUKASURAT
		01.	PERUTUSAN PENGARAH PTSS	ms 01
ms 03	RINGKASAN EKSEKUTIF	02.		
		03.	PETA PERJALANAN PELAN STRATEGIK PTSS	ms 04
ms 06	NILAI KEBERSAMAAN/ NILAI KEKITAAN WARGA PTSS	04.		
		05.	VISI-MISI-NILAI PTSS	ms 9
ms 10	MATLAMAT TERAS STRATEGIK	06.		
		07.	KEBERHASILAN PELAN STRATEGIK PTSS	ms 11
ms 12	PEMETAAN PELAN STRATEGIK PTSS	08.		
		09.	KERANGKA PELAN STRATEGIK PTSS	ms 14
ms 15	BALANCE SCORE CARD BSC	10.		

ISIKANDUNGAN

MUKASURAT	PERKARA	BILANGAN	PERKARA	MUKASURAT
		11.	MATLAMAT TERAS STRATEGIK 1	ms 16
ms 17	MATLAMAT TERAS STRATEGIK 2	12.		
		13.	MATLAMAT TERAS STRATEGIK 3	ms 18
ms 19	MATLAMAT TERAS STRATEGIK 4	14.		
		15.	MATLAMAT TERAS STRATEGIK 5	ms 20
ms 21	MATLAMAT TERAS STRATEGIK 6	16.		
		17.	FAKTOR KEJAYAAN PELAN STRATEGIK PTSS	ms 23
ms 24	PENGHARGAAN	18.		
		19.	SENARAI RUJUKAN	ms 25
ms 27	LAMPIRAN 1	20.		
		21.	LAMPIRAN 2	ms 28
Ms 29	LAMPIRAN 3	22.		

**PELAN STRATEGIK
POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN
2021-2025**

**adalah manifestasi PTSS
dalam usaha meningkatkan
lonjakan dengan lebih cemerlang
bagi mendepani cabaran
perkembangan arus perdana
Pendidikan TVET masakini...**

PERUTUSAN PENGARAH PTSS

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada semua warga PTSS,

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, buku Pelan Strategik ini berjaya dizahirkan sebagai panduan dan halatuju PTSS. Pelan Strategik PTSS 2021-2025 adalah manifestasi PTSS meningkatkan lonjakan dengan lebih cemerlang dalam mendepani cabaran perkembangan arus perdana Pendidikan TVET masakini. Manifestasi ini tersirat dalam Visi PTSS Untuk Menjadi Institusi TVET Yang Unggul dan bagi mencapai hasrat tersebut, PTSS telah menetapkan halatuju yang merentasi kecemerlangan graduan, governan, staf, program pengajian, kolaborasi serta penyelidikan dan inovasi. Selari dengan halatuju dan aspirasi tersebut, saya yakin PTSS akan berjaya mencapai Visinya dalam tempoh garimasa yang ditetapkan.

Berpaksikan 6 Matlamat Teras Strategik yang utama, PTSS akan mempertaruhkan Pelan Tindakan yang komprehensif melalui strategi yang telah dikenalpasti bagi mencapai Visi yang ditetapkan. Saya percaya Visi ini dapat direalisasikan dengan semangat kerjasama yang kolektif serta nilai kekitaan dan kebersamaan yang dimiliki oleh setiap warga menerusi budaya kerja cemerlang dan berprestasi tinggi. Bersandarkan dengan Nilai Kebersamaan yang dimiliki oleh setiap warga PTSS, sudah tentu kita semua akan melangkah dan bergerak bersama-sama memacu pelaksanaan Pelan Strategik ini.

Berasaskan nilai, berfokuskan strategi dan berpandukan prestasi, saya pasti Pelan Strategik ini akan menghasilkan impak yang signifikan terhadap perkembangan pendidikan khususnya Pendidikan TVET masakini.

Sekian, terima kasih.

Mej. (K) Abdul Malek Bin Hassan
Pengaruh
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

ABDUL MALEK BIN HASSAN



RINGKASAN EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik PTSS (2021-2025) Dibangunkan Berdasarkan Kepada Falsafah Pendidikan Negara (FPN) Dan Perkembangan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN) Termasuk Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia- Pengajian Tinggi (2015-2025) Yang Menggariskan 10 Lonjakan Serta Pelan Strategik Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti JPPKK (2018-2025).

Menyelusuri Garis Masa Dalam Perjalanan Menuju Visi Yang Ditetapkan Pada Tahun 2025, PTSS Telah Melalui Fasa Utama Iaitu Fasa 1 (2019-2020) Memacu Peningkatan Sistem Dan Seterusnya ke Fasa 2 (2021-2025) Menganjak Ke Arah Kecemerlangan. Pencapaian Pelan Strategik PTSS Diukur Berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama KPI Melalui Inisiatif Dan Pelaksanaan Aktiviti Yang Dirancang Dalam Pelan Tindakan PTSS.

1

2

3

4

Bergerak ke Peringkat Fasa Kedua Iaitu Menganjak Ke Arah Kecemerlangan Bagi Tujuan Mencapai Hasrat Dan Visi PTSS Untuk Menjadi Institusi TVET Yang Unggul, PTSS Telah Menyusun, Merangka Dan Membangunkan 6 Matlamat Teras Strategik Iaitu Menghasilkan Graduan TVET Berkualiti, Memantapkan Governan Yang Responsif Dan Mampan, Pemerkasaan Bakat, Pemantapan Program Pengajian, Memperkukuh Kolaborasi Industri, Komuniti Dan Alumni Serta Memperkasa Penyelidikan Dan Inovasi.

Nilai Kebersamaan Dan Kekitaan (*Shared Value*) Setiap Warga PTSS Menjadi Tunjang Utama Sebagai Penggerak Kelancaran Pelan Strategik Ini. Kejayaan Pelan Strategik PTSS Dalam Mencapai Halatuju Yang Diinginkan, Disokong Oleh 6 Faktor Kejayaan Utama Iaitu Komitmen Pengurusan Atasan, Modal Insan Yang Kompeten, Penetapan Sasaran Kerja Utama, Sistem Dan Prosedur Kerja, Pemantapan Tadbir Urus Serta Sokongan Dan Kerjasama Pelbagai Pihak.

PETA PERJALANAN PELAN STRATEGIK PTSS

PELAN STRATEGIK
PTSS 2021-2025



PETA PERJALANAN PELAN STRATEGIK PTSS




6 nilai kebersamaan dan kekitaan (shared value) adalah nilai bersama yang menjadi amalan baik dan budaya sihat dalam kalangan setiap warga PTSS.

Nilai tersebut akan terus dipupuk serta dipelihara agar sentiasa dihayati dan diamalkan dalam usaha untuk melonjakkan kecemerlangan diri dan institusi.

Nilai kebersamaan yang dimiliki oleh semua warga PTSS ini menjadi asas dan sumber kekuatan dalam menggerakkan fungsi organisasi bagi menerajui dan memperkasakan PTSS. Nilai ini akan terus teguh memacu kecemerlangan bagi menyerlahkan kegemilangan PTSS...

NILAI KEBERSAMAAN / NILAI KEKITAAN WARGA PTSS



VISI :

Hasrat dan halatuju PTSS pada Tahun 2025.

MISI :

Fungsi Utama PTSS sekarang bersesuaian dengan hasrat dan halatuju yang ditetapkan.

MATLAMAT:

Perkara yang disasarkan untuk dicapai bagi menterjemahkan Visi dan Halatuju PTSS.

NILAI :

Nilai Kebersamaan (shared value) yang menjadi amalan baik dan budaya sihat yang sentiasa dihayati dan diamalkan dalam kalangan setiap warga PTSS dan ianya adalah asas kepada kekuatan dan imej PTSS dalam menggerakkan fungsi organisasi.

VISI-MISI-NILAI PTSS



VISI



MISI



Membudaya Dan
Meluaskan
Ilmu Pengetahuan



Memelihara Amanah
dan Tanggungjawab



Melaksanakan Tugas
Secara Profesional



Berfikir
Kreatif dan Inovatif



Berhemah Tinggi
Dalam Interaksi dan
Komunikasi



Mempunyai
Semangat Kerja
Berasaskan dan Sinergi
Yang Tinggi

NILAI




KEBERHASILAN PELAN STRATEGIK PTSS




PEMETAAN PELAN STRATEGIK PTSS

PELAN STRATEGIK
PTSS 2021-2025




PEMETAAN PELAN STRATEGIK PTSS






BALANCED SCORECARD BSC



MATLAMAT TERAS STRATEGIK 1

MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI



PTSS bertanggungjawab memupuk keseimbangan pembangunan diri pelajar dalam menghadapi cabaran terkini. Justeru, penyediaan inisiatif ke arah penghasilan graduan yang berkualiti, berkemahiran, berdaya keusahawanan dan bercirikan global disamping mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi akan menghasilkan graduan TVET berkualiti yang holistik dan seimbang.

PELUANG DAN CABARAN

Walaupun terdapat perubahan dalam situasi semasa, program dan aktiviti dengan pelbagai inisiatif baru yang proaktif serta mempunyai nilai tambah kepada graduan perlu dipertingkatkan bagi menyediakan graduan berkualiti yang dapat menghadapi cabaran globalisasi semasa.

TUMPUAN 2021-2025

Selain memperkasakan program pembangunan pelajar yang berterusan bagi penghasilan pelajar yang holistik dan seimbang, PTSS perlu mengukuhkan aktiviti dan program kemahiran yang diperlukan pasaran kerja masa hadapan dan memperkasakan persekitaran keusahawanan berciri digital yang disokong teknologi semasa. Selain itu, program dan aktiviti berkonsep *coaching and mentoring* diperluas bagi memastikan kesinambungan bimbingan laluan kerjaya pelajar.


KEBERHASILAN

Diharapkan, generasi TVET abad ke-21 mampu menguasai disiplin ilmu pengetahuan dan kemahiran insaniah, daya pemikiran berkelas tinggi, berakhlak mulia, berswadaya tinggi dan berdaya keusahawanan (*enterprising*). Ini akan memastikan graduan TVET sentiasa relevan dengan perkembangan semasa dan seterusnya menyumbang kepada pembinaan masyarakat progresif bagi pembentukan negara maju.

MATLAMAT TERAS STRATEGIK 2

MATLAMAT TERAS STRATEGIK 2

MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN



Governan yang responsif dan mampan dapat memacu prestasi kualiti tadbir urus menjelang tahun 2025. Perkara ini dapat direalisasikan melalui pewujudan hala tuju strategik organisasi yang peka terhadap perubahan sistem semasa. Justeru, penambahbaikan berterusan bagi meningkatkan kualiti bagi menyokong produktiviti dan kecekapan tadbir urus serta peningkatan sistem.

PELUANG DAN CABARAN

Kemampanan dalam tadbir urus melalui fasiliti yang cekap dan berkesan serta penyediaan kemudahan terkini yang diadaptasikan dengan keperluan IR 4 dapat meningkatkan kualiti pengurusan dan jenama serta reputasi PTSS.

TUMPUAN 2021-2025

Dalam fasa ini, tumpuan diberi kepada strategi meningkatkan keberkesanan operasi melalui penyediaan fasilitis yang berkesan serta kelengkapan teknologi semasa, memperkukuh sistem penyampaian, memperkasa tadbir urus yang mampan serta pengurusan kewangan yang cekap dan berhemat.

KEBERHASILAN

Governan yang responsif dan mampan melalui penambahbaikan secara berterusan pasti memberi kesan positif kepada kualiti produktiviti, kecekapan operasi, serta sistem penyampaian yang berkesan. Petunjuk kepada kecemerlangan organisasi adalah apabila jenama dan reputasi institusi meningkat secara konsisten, manakala kecemerlangan operasi dan kepuasan pelanggan dicapai pada tahap optimum.

MATLAMAT TERAS STRATEGIK 3

PEMERKASAAN BAKAT



Kecemerlangan warga kerja merupakan pemboleh daya kepada kecemerlangan sistem pendidikan di PTSS. Dalam konteks pelan ini, 'Pemeriksaan Bakat' merujuk kepada usaha yang sistematis ke arah melahirkan warga PTSS yang berketerampilan.

PELUANG DAN CABARAN

Aktiviti pembangunan bakat perlu disusun semula melalui pemerikasaan sangkutan industri pensyarah serta memperluas perkongsian pengetahuan antara pensyarah dan industri bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para pensyarah berkaitan teknologi terkini dan amalan baik di industri. Seiring itu, program-program pembangunan profesionalisme berterusan dalam strategi pendidikan dan kepimpinan instruksional (*ESIL – Educational Strategy and Instructional Leadership*) akan sentiasa dimantapkan agar penyampai PdP tetap efisien dan efektif walaupun negara berhadapan dengan cabaran pandemik COVID-19. Dalam menuju Misi dan Visi yang ditetapkan, semua warga PTSS tanpa mengira skim perkhidmatan perlu memahami dan menjiwai ekosistem TVET. Melalui pemerikasaan bakat dan pementapan kepimpinan, PTSS akan diterajui oleh warga yang berkeperampilan dan teguh dalam memperkasakan PTSS.

TUMPUAN 2021-2025

PTSS akan mempergiatkan perkongsian pengetahuan antara pensyarah dan pengamal industri secara berterusan serta memperkasakan bakat serta memantapkan kepimpinan staf bagi memastikan kecemerlangan dan keberkesanan pelan yang dirancang .


KEBERHASILAN

Hasil daripada inisiatif yang telah dirancang ini, diharapkan PTSS dapat melahirkan warga berketerampilan yang boleh diketengahkan, seterusnya berupaya mengharumkan imej PTSS di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

MATLAMAT TERAS STRATEGIK 4

MATLAMAT TERAS STRATEGIK 4

PEMANTAPAN PROGRAM PENGAJIAN



Matlamat bagi Teras Strategik Keempat memberi fokus kepada penawaran program pengajian TVET yang relevan, pemantapan kurikulum, penyampaian dan pengiktirafan program agar lebih bersedia dengan tuntutan semasa supaya PTSS kekal mendepani cabaran persaingan global, krisis ekonomi, pandemik COVID-19 dan perubahan teknologi ke arah ekonomi digital.

PELUANG DAN CABARAN

Secara umumnya, pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada pelaksanaan aktiviti pembelajaran, pengajaran dan pentaksiran di PTSS. Dalam mengharungi persekitaran yang semakin mencabar, pembangunan dan penajaran program pengajian perlu membuka peluang baharu bagi meneroka kaedah kreatif dan inovatif dalam memantapkan pelaksanaan program pengajian. Kaedah penyampaian kurikulum juga sentiasa dipelbagaikan melalui teknologi digital bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih kreatif dan inovatif. Usaha ke arah kecemerlangan penilaian dan pentaksiran juga ditingkatkan bagi mencapai kualiti program pengajian yang diiktiraf.

TUMPUAN 2021-2025


Usaha ke arah kecemerlangan akan didukung oleh inisiatif pembangunan, penajaran program pengajian dan kursus baharu serta memperluas integrasi penggunaan teknologi terkini dalam PdP. Proses penaziran akademik ke atas institusi akan dipergiat bagi memastikan kepatuhan terhadap keperluan yang ditetapkan sejajar dengan peningkatan keberkesanan mekanisma penyampaian. Seterusnya, pengiktirafan agensi luar terhadap program pengajian di PTSS perlu diberi perhatian bagi memperkukuh kualiti program pengajian yang ditawarkan.

KEBERHASILAN

Dengan pelaksanaan inisiatif-inisiatif serta langkah proaktif, program pengajian TVET di PTSS akan meneraju bidang tujuhan tertentu, terkehadapan dan responsif terhadap keperluan industri, berkualiti dan diiktiraf.

MATLAMAT TERAS STRATEGIK 5

MEMPERKUKUH
KOLABORASI
INDUSTRI,
KOMUNITI DAN
ALUMNI



Matlamat Bagi Teras Strategik Kelima menjadi tonggak bagi membina jalinan serta jaringan dengan tiga pemegang taruh utama iaitu industri, komuniti dan alumni. Justeru, pelbagai strategi dirancang, secara khusus, agar segala inisiatif yang dilaksanakan memberi manfaat yang sebaiknya kepada semua pihak.

PELUANG DAN CABARAN

Senario ekonomi semasa yang mencabar telah memungkinkan lebih banyak ruang kerjasama dengan industri mahupun agensi menerusi pelbagai program seperti latihan industri pelajar, program *reskilling*, *upskilling* & *cross-skilling*, Panel Penasihat Industri, tawaran khidmat runding, *Industry On Campus* (IOC), sinergi penyelidikan dan mempelbagai program berpotensi lain. Di samping itu, tadbir urus yang kukuh amat perlu dalam merencanakan pelaksanaan PSH khususnya bagi kursus berintensifkan aplikasi teknologi terkini. Selain itu, jaringan bersama alumni akan memupuk budaya menyumbang balik (*giving back*) dalam kalangan alumni dan bagi mengangkat TVET ke satu tahap yang lebih baik.

TUMPUAN 2021-2025

Memperluas kolaborasi merupakan tumpuan utama Pelan Strategi PTSS. Melalui strategi yang diyakini, tumpuan terhadap industri cenderung dituju kepada kolaborasi berimpak tinggi. Manakala kelompok komuniti pula akan lebih didampingi melalui program PSH berdasarkan hala tuju baharu PSH yang berstruktur dan berfokus kepada kumpulan sasar bagi meningkatkan kemahiran dan sosioekonomi. Seterusnya, kerjasama erat dengan alumni akan diperkukuhkan melalui pengurusan persatuan yang mantap dan penjenamaan alumni PTSS.

KEBERHASILAN

Diharapkan, pengukuhan kolaborasi PTSS dengan industri, komuniti dan alumni akan menyumbang kepada ekosistem sosioekonomi yang kondusif, berdaya saing dan inklusif. Justeru, kolaborasi berimpak tinggi dengan industri, pelaksanaan PSH berstruktur dan bersasar serta peranan alumni menjadi misi penting institusi bagi mewujudkan PTSS sebagai institusi TVET yang unggul.

MATLAMAT TERAS STRATEGIK 6

MATLAMAT TERAS STRATEGIK 6

MEMPERKASA PENYELIDIKAN DAN INOVASI



Pemeriksaan ekosistem penyelidikan dan inovasi serta pemindahan pengetahuan dan teknologi perlu direncana mengikut acuan dan perubahan semasa sistem TVET. Ini bagi melahirkan warga PTSS yang kreatif dan inovatif yang bercirikan solution provider. Justeru secara signifikan, Matlamat Bagi Teras Keenam mampu meningkatkan kredibiliti penyelidikan dan imej PTSS dalam usaha mengaplikasi kepakaran melalui pemindahan pengetahuan dan teknologi kepada industri dan komuniti.

PELUANG DAN CABARAN


Kepakaran mengikut bidang tujuhan merupakan kekuatan dan peluang untuk meneroka sumbangan berfokus kepada industri dan komuniti. Oleh yang demikian, perancangan dan pelaksanaan aktiviti penyelidikan, inovasi dan pemindahan pengetahuan dan teknologi secara kolektif boleh meningkatkan nilai tambah kepada kepakaran sedia ada.

TUMPUAN 2021-2025

Pemindahan pengetahuan dan teknologi kepada industri dan komuniti dapat dilaksanakan melalui kumpulan kepakaran berasaskan manfaat bersama pakar penyelidik, pembangunan inovasi berfokus dan peningkatkan kualiti aktiviti penerbitan ilmiah. Pada masa yang sama, penyelidikan fundamental dan gunaan terus dilaksanakan mengikut bidang tujuhan dan kepakaran sediaada.

KEBERHASILAN

Pemindahan pengetahuan dan teknologi kepada industri dan komuniti dapat meningkatkan penajaan nilai penyelidikan dan inovasi dalam membangunkan PTSS sebagai institusi TVET yang unggul.



Berasaskan nilai,
berfokuskan strategi dan
berpandukan prestasi,
sudah pasti pelan strategik ini
akan menghasilkan
impak yang signifikan terhadap
perkembangan pendidikan
khususnya Pendidikan
TVET masakini...

FAKTOR PENENTU KEJAYAAN PELAN STRATEGIK PTSS



Terima kasih atas sokongan dan dorongan semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan pembentukan dan penghasilan Pelan Strategik Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin 2021-2025.



SENARAI RUJUKAN

1. *Falsafah Pendidikan Negara (1988)*
2. *Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996)*
3. *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara PSPTN Fasa 1 (2007-2010)*
4. *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara PSPTN Fasa 2 (2011-2015)*
5. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia-Pengajian Tinggi PPPM-PT (2015-2025)*
6. *Industry 4WRD –National Policy on Industry 4.0 (2018)*
7. *Rangka Kerja TVET 4.0 (2018)*
8. *Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti PSPKK 2018-2025-Fasa Pertama 2018-2020 (2018)*
9. *Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti PSPKK 2018-2025-Fasa Kedua 2021-2025 (2021)*
10. *Wawasan Kemakmuran Bersama WKB 2030, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (2019)*
11. *Rancangan Malaysia RMK 11*
12. *Rancangan Malaysia RMK 12*
13. *Tonggak 12 (1992)*



LAMPIRAN

FALSAFAH PENDIDIKAN NEGARA



"Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara."

PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA-PENGAJIAN TINGGI PPPM (PT) 2015-2025



ASPIRASI PPPM-PT

- Aspirasi Sistem
- Aspirasi Pelajar
- ❖ Akses
- ❖ Kualiti
- ❖ Ekuiti
- ❖ Perpaduan
- ❖ Kecekapan
- ❖ Etika & Kerohanian
- ❖ Kemahiran Pemimpin
- ❖ Identiti Nasional
- ❖ Kemahiran Bahasa
- ❖ Kemahiran Berfikir
- ❖ Pengetahuan

10 Lonjakan PPPM-PT

- ❖ Lonjakan 1 : Graduan Holistik, Seimbang Dan Berciri Keusahawanan
- ❖ Lonjakan 2 : Kecemerlangan Bakat
- ❖ Lonjakan 3 : Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat
- ❖ Lonjakan 4 : Graduan TVET Berkualiti
- ❖ Lonjakan 5 : Kemampan Kewangan
- ❖ Lonjakan 6 : Pemantapan Tadbir Urus
- ❖ Lonjakan 7 : Ekosistem Inovasi
- ❖ Lonjakan 8 : Keunggulan Global
- ❖ Lonjakan 9 : Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global
- ❖ Lonjakan 10: Transformasi Penyampai Pendidikan Tinggi

RANGKA TVET 4.0 2018



RANGKA KERJA TVET 4.0 dibangunkan merujuk dasar kerajaan iaitu: RMK 12, PPPM (PT) bagi 10 lonjakan dan Dasar Industri 4WD – menepati salah satu strategi dasar iaitu - *Upskilling Existing & Producing Future Talent*.

RANGKA KERJA TVET 4.0 adalah sebuah kerangka konseptual yang mengambil kira perkembangan sosio-ekonomi terkini iaitu Revolusi Industri 4.0, Pembelajaran Abad ke-21 dan Pendidikan 4.0.

RANGKA KERJA TVET 4.0 dibangunkan untuk Institusi TVET Negara iaitu Universiti MTUN, Politeknik, Kolej Komuniti Dan Kolej Vokasional

- Pelan Strategik Rangka TVET 4.0 mengandungi 6 matlamat yang perlu dicapai:
 - ❖ Graduan TVET Berkualiti
 - ❖ Governan Responsif dan Mampan
 - ❖ Bakat didorong Teknologi
 - ❖ Sistem Pendidikan diterajui TVET 4.0
 - ❖ Kolaborasi Industri dan Komuniti
 - ❖ Penyelidikan Gunaan dan Inovasi

LAMPIRAN 3

PELAN STRATEGIK POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI 2018-2025 FASA PERTAMA 2018-2020



PELAN STRATEGIK POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI 2018-2025

- ❑ Pelan Strategik ini dibangunkan berdasarkan kepada Pelan Strategik Rangka TVET 4.0
- ❑ Pelan Strategik ini dilaksanakan melalui 2 Fasa :
 - Fasa Pertama 2018-2020
Memacu Peningkatan Sistem
 - Fasa Kedua 2021-2025
Menganjak ke Arah Kecemerlangan

FASA PERTAMA 2018-2020 Memacu Peningkatan Sistem

- Mengandungi 6 matlamat yang perlu dicapai mengikut teras berikut::
- ❖ Menghasilkan Graduan TVET Berkualiti
 - ❖ Memantapkan Governan Responsif dan Mampan
 - ❖ Memperkaya Bakat
 - ❖ Menerajui Sistem Pendidikan Melalui TVET 4.0
 - ❖ Memperkukuh Kolaborasi Industri, dan Komuniti.
 - ❖ Membudaya Penyelidikan Gunaan dan Inovasi.

PELAN STRATEGIK POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI 2018-2025 FASA KEDUA 2021-2025



PELAN STRATEGIK POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI 2018-2025 FASA KEDUA 2020-2025 Menganjak ke Arah Kecemerlangan

- Fasa ini dibangunkan dengan mengambil kira perkembangan semasa iaitu:
- Perubahan Kementerian dan Halatuju
 - Wawasan Kemakmuran Bersama WKB 2030
 - Rancangan Malaysia ke-12
 - Pandemik COVID-19

FASA KEDUA 2020-2025 Menganjak ke Arah Kecemerlangan

- Mengandungi 6 matlamat yang perlu dicapai mengikut teras berikut:
- ❖ Menghasilkan Graduan TVET Berkualiti
 - ❖ Memantapkan Governan Responsif dan Mampan
 - ❖ Pemeraksanaan Bakat
 - ❖ Pemantapan Program Pengajian
 - ❖ Memperkukuh Kolaborasi Industri, Komuniti dan Alumni
 - ❖ Memperkasa Penyelidikan dan Inovasi.

**POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN
PAUH PUTRA
02600, ARAU, PERLIS.
Tel: 604 9886200 Faks:604 9886300**

ISBN 978-967-2258-45-2



9 7 8 9 6 7 2 2 5 8 4 5 2